AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Selasa, 13 Jun 2023 | 24 Zulkaedah 1444H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

NGO desak kelulusan EIA untuk projek bina jalan merentasi kawasan Rizab Harimau ditarik balik Nasional 18

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
Diterbit sejak 1957
www.bharian.com.my

RUU Kawalan Produk Merokok diteliti semula

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 akan dirujuk sekali lagi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan Parlimen untuk penelitian lanjut.

Ini bermakna ia kali kedua RUU yang turut dikenali sebagai RUU Generasi Penamat (GEG) dirujuk kepada JKPK selepas pertama kali dibentangkan tahun lalu oleh Menteri Kesihatan ketika itu, Khairy Jamaluddin.

Nasional 6

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Dr Zaliha pada sesi soal jawab Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

Langkah teliti akta, syor pelbagai pihak

Dari Muka 1

Semalam, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mencadangkan perkara itu berdasarkan Peraturan 54 (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat supaya ia dirujuk kepada jawatankuasa itu bagi membuat syor-syor, selain meneliti dasar GEG serta peruntukan berkaitan.

"Berdasarkan sesi libat urus dengan JKPK Kesihatan pada 6 Jun lalu bersama ahli Parlimen, badan profesional dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), terdapat permintaan agar beberapa perkara dilihat dan diperhalusi lebih lanjut.

"Justeru, KKM mencadangkan ia dirujuk kepada JKPK Kesihatan untuk penelitian lanjut selain jawatankuasa ini yang berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang dengan ambil kira pandangan semua pihak," katanya pada persidangan Dewan Rakyat selepas membentangkan RUU itu bagi bacaan kali pertama.

Dr Zaliha juga menjelaskan, RUU itu adalah yang baharu selepas mengambil kira syor-syor perbincangan JKPK Kesihatan pada 2022 dan pertambahan pindaan baharu terhadap dasar GEG.

Beliau berkata, pembentangan bacaan kali pertama RUU itu serta cadangan untuk merujuk kepada JKPK Kesihatan adalah bukti komitmen kerajaan untuk memastikan peraturan baharu itu dapat diluluskan segera demi generasi baharu.

"Adalah penting untuk RUU ini mendapat sokongan tidak berbelah bahagi daripada semua pihak," katanya.

Kawal produk tembakau

Sementara itu, berdasarkan naskah biru yang diedarkan di Parlimen semalam, RUU itu bertujuan mengawal penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok, demi kesihatan awam untuk melahirkan suatu generasi baharu bebas merokok.

Menurut Fasal 13 dan 14 RUU itu yang menyatakan larangan penjualan produk atau bahan merokok, pengganti tembakau atau peranti merokok kepada individu yang lahir mulai 1 Jan 2007 (generasi GEG), selain larangan individu GEG membeli produk rokok atau tembakau di bawah fasal sama.

RUU itu turut memperuntukkan denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih setahun jika didapati menjual produk berkenaan kepada individu yang lahir mulai 1 Januari 2007.

Selain ini, denda tidak lebih RM500 atau perintah khidmat masyarakat turut dikenakan kepada individu generasi GEG yang membeli produk berkenaan.

Pada Ogos tahun lalu, Parlimen meluluskan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dirujuk ke JKPK Parlimen untuk diteliti serta membuat syor penambahbaikan.

Bagaimanapun, ia tidak dapat diteruskan berikutan pembubaran Parlimen bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

MMA, CAP kecewa

Sementara itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) kecewa dengan keputusan merujuk semula RUU berkenaan kepada JKPK Kesihatan.

"Ini kerana RUU terbabit amat penting yang bakal menyelamatkan ratusan ribu nyawa generasi akan datang, khususnya pelajar, belia serta gadis muda daripada ketagih nikotin," kata Pegawai Pendidikan dan Aktivis Antimerokok CAP, NV Subbarow.

"Kementerian Kesihatan telah gagal untuk menunjukkan kepemimpinannya...ia kekecewaan terbesar kali kedua selepas kementerian mengecualikan nikotin daripada Akta Racun," kata Presiden MMA, Dr Muruga Raj Rajathurai.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

'PM, KKM bercanggah fakta isu vaksin'

Kuala Lumpur: Datuk Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya) membangkitkan percanggahan fakta berhubung perolehan vaksin COVID-19 apabila membandingkan kenyataan dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan laporan diberikan Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni di Dewan Rakyat.

Beliau berkata, Perdana Menteri pada Februari lalu mendakwa perolehan vaksin COVID-19 dibuat ketika pandemik tanpa persetujuan Peguam Negara dan ia bercanggah dengan fakta usul Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19 dibentangkan Lukanisman minggu lalu.

"Ini (perolehan vaksin tanpa persetujuan Peguam Negara) disebut Perdana Menteri pada 8 Februari lalu, tetapi kita lihat dalam usul dibaca Timbalan Menteri Kesihatan, "bahawa Dewan ini mengambil maklum perjanjian yang ditandatangani melalui proses semakan dan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara (AGC)".

"Jadi siapa nak minta maaf dalam soal (percanggahan fakta) ini?" katanya ketika membahaskan usul Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19 di Dewan Rakyat, semalam.

Pada 8 Februari lalu, Anwar dalam satu sidang media memaklumkan Kementerian Kesihatan (KKM) akan membentangkan Kertas Putih berhubung perolehan vaksin COVID-19 dan kos berkaitan, yang sebahagiannya dipercayai tidak mengikut peraturan dan ditandatangani tanpa persetujuan Peguam Negara.

Bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, yang bertanggungjawab terhadap perolehan vaksin COVID-19 ketika pandemik, menafikan dakwaan terbabit dengan menegaskan semua perolehan dibuat ketika pentadbiran Perikatan nasional (PN) dibentangkan kepada Kabinet dan diketahui AGC.

Mengulas lanjut, Radzi menegaskan, insiden itu perlu dijadikan pengajaran oleh Perdana Menteri dan kerajaan untuk tidak gopoh membuat tuduhan serta kenyataan tanpa bukti yang jelas.

Selain itu, katanya, semua pihak perlu bermuhasabah apabila memilih membuat pelbagai tuduhan, kejian dan makian kepada kerajaan terdahulu ketika bergelut menangani krisis pandemik COVID-19.

Salur bantuan RM2.556 juta

Dalam perkembangan berasingan Lukanisman ketika menggulung perbahasan itu memaklumkan RM2.556 juta Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 sudah disalurkan kepada 150 pemohon sehingga 31 Mei lalu, berbanding 319 permohonan diterima.

Beliau menjelaskan, bantuan itu diberikan kepada pemohon yang menjadi penerima vaksin COVID-19 yang mempunyai Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) yang serius atau hilang upaya kekal serta waris penerima vaksin yang meninggal dunia.

Dalam perkembangan lain, katanya, sehingga 1 Jun lalu sebanyak 8.5 juta dos vaksin pelbagai jenama dilupus di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) dan gudang simpanan vaksin COVID-19.

Katanya, proses pelupusan dan pelaporan vaksin dalam simpanan dilaksanakan mengikut Tatacara Pengurusan Aset dan Tatacara Pengurusan Stor yang berkuat kuasa, dengan pemantauan status pelupusan juga dilaksanakan secara berkala.

Bagi sumbangan vaksin COVID-19 kepada negara luar pula, katanya, KKM menawarkan 1.89 juta dos vaksin kepada negara seperti Bangladesh, Myanmar, Laos dan Bosnia Herzegovina.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

CAP terima aduan guru bimbang murid bawa vape ke sekolah

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menerima aduan daripada 40 guru sekolah di negara ini yang meluahkan rasa bimbang mengenai pelajar dan murid berusia seawal sembilan tahun yang membawa peranti vape ke sekolah tanpa rasa takut.

Malah, seramai 30 ibu bapa di seluruh negara juga turut mengadu kepada CAP berhubung kebimbangan yang sama mengenai anak mereka.

Pegawai Pendidikan CAP dan Aktivis Anti Merokok, NV Subbarow berkata, keadaan itu dipercayai berlaku kerana sudah tiada peruntukan undang-undang bagi mengawalnya.

Selain mudah diperoleh, Subbarow berkata harganya yang murah serendah RM10 setiap satu juga menyebabkan ia mampu dimiliki pelajar dan murid.

"Ini bukan lagi tugas guru bagi menyemak isu yang membabitkan pelajar membawa vape ke sekolah kerana mereka juga ada perkara lain yang perlu diselesaikan.

"Hari demi hari ratusan kanak-kanak sekolah, pelajar, belia dan gadis muda sudah ketagihan nikotin ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Subbarow mengulas Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok bersama peruntukan Generasi Penamat (GEG) yang sangat penting bagi menyelamat ratusan ribu generasi akan datang.

Makin ramai ketagih

Subbarow berkata, semakin lama Ahli Parlimen melambatkan mengenai perkara itu, semakin ramai penagih nikotin akan muncul.

Katanya, CAP juga tidak faham mengenai RUU berkenaan yang dirujuk sekali lagi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) tanpa perbahasan.

"Selepas mendengar mengenai kelewatan RUU tembakau akan diserah kepada PSC, ramai ibu bapa dan guru bimbang serta kecewa.

"Sehubungan itu, CAP menggesa Menteri Kesihatan supaya berusaha meluluskan RUU itu tanpa dalam persidangan Parlimen demi keselamatan generasi akan datang.

"Kami bimbang rakyat akan marah dengan Ahli Parlimen yang tidak memahami bahaya penjualan tembakau, vape dan 'jus nikotin beracun' yang dijual dengan mudah," katanya.

> "Hari demi hari ratusan kanak-kanak sekolah, pelajar, belia dan gadis muda sudah ketagihan nikotin ini"

NV Subbarow,
Pegawai Pendidikan CAP dan Aktivis Anti Merokok

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

7 klinik kesejahteraan bantu kesuburan lelaki

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan tujuh klinik kesejahteraan lelaki bermula tahun lalu bagi membantu menangani masalah kesuburan golongan itu di negara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Raj Munni Sabu berkata, perkhidmatan itu ditawarkan di Klinik Subfertiliti Kuala Lumpur, Klinik Subfertiliti Johor Bahru, Klinik Subfertiliti Pulau Pinang, Klinik Nur Sejahtera (KNS) Jalan Raja Laut, KNS Melaka, KNS Dungun dan KNS Sarawak.

"Ia adalah antara tiga inisiatif Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluara Negara (LPPKN) untuk mengatasi masalah kesuburan golongan lelaki di negara ini. Selain itu, kementerian juga menyediakan klinik subfertiliti LPPKN yang menawarkan perkhidmatan Prosedur Permanian Beradas (IUI), Pensenyawaan In-Vitro (IVF) dan *Intra Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI)*," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Manndzri Nasib (BN-Tenggara)** yang ingin mengetahui apakah inisiatif khusus kerajaan untuk membantu lelaki yang mengalami masalah kesuburan.

Katanya, kerajaan turut mengadakan aktiviti melalui advokasi dan promosi serta pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan sehingga RM6,000 selain bantuan program subsidi rawatan kesuburan yang kebanyakan disediakan untuk penjawat awam selain mereka turut boleh menuntut daripada majikan perbelanjaan rawatan itu.

Sementara itu, Raj Munni berkata, hasrat kerajaan untuk membantu pasangan di Malaysia bagi menangani masalah ketidaksuburan khususnya mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah iaitu M40 dan B40 melalui perkhidmatan Subfertiliti LPPKN sudah mencapai objektif.

"Berdasarkan data, perkhidmatan ini yang diperkenalkan sejak 1979 hingga April lalu menunjukkan perkhidmatan Subfertiliti LPPKN mendapat sambutan memberangsangkan dan dalam tempoh berkenaan sebanyak 40,576 kes baharu direkodkan dengan 262,657 kes ulangan telah dicapai," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : LOKAL

BENTANG RUU KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

Rujuk semula JKPK Kesihatan

Kuala Lumpur: Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang dibentangkan, semalam akan dirujuk sekali lagi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan.

Rujukan semula kepada JPPK itu juga bagi membolehkan dasar Generasi Penamat Rokok (GEG) seperti disyorkan banyak pihak dimasukkan sekali dalam RUU itu.

Ini kali kedua RUU berkenaan dirujuk kepada JKPK berkenaan selepas pertama kali dibentangkan oleh Menteri Kesihatan ketika itu, Khairy Jamaluddin pada tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa ketika membentangkan RUU itu berkata, tindakan itu mengambil kira maklum balas yang diterima mengenai RUU berkenaan khususnya melalui sesi libat urus yang diadakan pada 6 Mac lalu.

Beliau memaklumkan melalui sesi pada minggu lalu itu ahli JKPK Kesihatan, selain Ahli Parlimen, badan profesional serta badan bukan kerajaan (NGO) mahu beberapa perkara di bawah RUU terbabit dinilai dan diperincikan lebih lanjut termasuk dasar GEG.

"Adalah penting untuk RUU ini mendapat sokongan tidak berbelah bahagi daripada semua pihak.

"Oleh itu, Kementerian Kesihatan (KKM) mencadangkan RUU ini dirujuk kepada JKPK Kesihatan yang akan bertindak sebagai semak dan imbang serta mengambil kira pandangan semua pihak yang berkepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan RUU itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Untuk rekod, antara pihak yang lantang meminta dasar GEG dilaksanakan dengan RUU berkenaan adalah Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM)

RUU berkenaan dicadangkan bertujuan mengharamkan penggunaan, pembelian dan penjualan rokok serta produk vape kepada mereka yang dilahirkan selepas 2007.

Pada 26 Mei lalu, Dr Zaliha menyifatkan ia satu kejayaan buat KKM apabila mendapat sokongan Kabinet untuk RUU terbabit dibentangkan di Dewan Rakyat.

Ketika sesi taklimat bersama media pada 6 Jun pula, beliau berkata, KKM memasukkan semua 23 cadangan pindaan terdahulu serta lima cadangan baharu.

Justeru, katanya, RUU itu disifatkan lebih komprehensif dan meliputi bukan saja rokok konvensional, tetapi juga rokok alaf baharu termasuk rokok elektronik serta rokok *combustible*.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Kekurangan aset dan petugas kesihatan selesai, dua wad kembali dibuka

Dua hospital di Johor dapat RM771,600

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Sebanyak RM771,600 peruntukan diluluskan bagi pembelian aset perubatan dan bukan perubatan untuk keperluan mendesak di Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, peruntukan khas yang diluluskan pihaknya itu bagi pembukaan semula dua wad di hospital berkenaan yang sebelum ini ditutup kerana kekurangan aset perubatan serta sumber manusia.

Menurutnya, antara keperluan aset yang disediakan termasuk set katil, Defib With Pacing, Basic Dinamp, Vital Sign 4 Channel, ECG Machine dan Portable X-Ray Viewer.

"Selain itu, waran peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM634,916 telah diturunkan juga kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi perolehan aset bukan perubatan (ABR) untuk memenuhi keperluan mendesak di kedua-dua hospital itu.

"JKN Johor juga akan menerima 35 jururawat perjawatan tetap dan perjawatan lain termasuk Penolong Perubatan Kesihatan dan beberapa jawatan kontrak lain sedang menunggu untuk disahkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

HOSPITAL Sultanah Aminah di Johor Bahru antara hospital yang menerima peruntukan khas KKM. – GAMBAR HIASAN

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) juga akan melaksanakan penyelesaian segera bagi memenuhi keperluan dua buah hospital itu dan perkara itu sedang dalam tindakan KKM dengan kerjasama agensi pusat.

Beliau memberitahu, KKM sentiasa komited dalam isu kekurangan petugas kesihatan di fasiliti KKM, malah kemas kini data dan pemetaan turut dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan serta kehendak optimum operasi di mana-mana hospital mahupun klinik kesihatan.

"Kertas Putih Kesihatan yang akan dibentangkan di Parlimen esok (hari ini) penting bagi menjamin kesaksamaan dan akses perkhidmatan kesihatan yang lebih mampan serta kalis masa depan," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi membuat lawatan mengejut ke HSI dan HSA Johor Bahru baru-baru ini.

Lawatan tersebut dibuat susulan penutupan dua wad dan 10 bilik pembedahan berikutan kekurangan aset perubatan serta sumber manusia terutama pegawai perubatan dan jururawat.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Kes demam denggi menurun 6.9 peratus, tiga kematian

PUTRAJAYA – Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-22 iaitu dari 28 Mei hingga 1 Jun, menurun 6.9 peratus iaitu 2,455 kes berbanding 2,638 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, tiga kematian dilaporkan akibat komplikasi demam denggi pada minggu tersebut.

Katanya, kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 48,712 kes berbanding 18,883 kes bagi tempoh sama tahun lalu iaitu meningkat 29,829 kes atau 158.0 peratus, manakala sebanyak 34 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 12 kematian bagi tempoh sama.

> Ia disusuli penyakit kencing manis 23 peratus, obesiti (23 peratus),hiperlipidemia (lapan peratus), penyakit jantung (tujuh peratus) dan penyakit buah pinggang (enam peratus)."

"Analisa kematian akibat komplikasi denggi bagi tempoh tiga tahun iaitu 2020 hingga 2022, paling tinggi direkodkan adalah pesakit mengalami penyakit kronik seperti darah tinggi iaitu 27 peratus.

"Ia disusuli penyakit kencing manis 23 peratus, obesiti (23 peratus),hiperlipidemia (lapan peratus), penyakit jantung (tujuh peratus) dan penyakit buah pinggang (enam peratus)," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Jelasnya, bilangan lokaliti *hot spot* pada minggu tersebut meningkat sebanyak 82 lokaliti *hot spot* berbanding 72 lokaliti pada minggu sebelumnya.

"Ia melibatkan 62 lokaliti di Selangor, Pulau Pinang (sembilan), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (lima), Sabah (empat), manakala Kedah serta Perak masing-masing satu," ujarnya.

Beliau berkata, chikungunya pula merekodkan satu kes pada ME22 dan ia berlaku di Selangor menjadikan sebanyak 135 kes.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : SINAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

PAC digesa siasat kos sebenar vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) digesa menyiasat kos sebenar vaksin Covid-19 Pharmaniaga Berhad yang dibeli oleh Putrajaya.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad berkata, semasa perbahasan Kertas Putih Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai perolehan vaksin, enam negeri terpaksa membeli vaksin itu pada harga tinggi.

"Saya mahu menteri jawab mengenai perkara kewangan yang tidak didedahkan. Saya tahu bahawa perjanjian tanpa pendedahan (NDA) adalah sesuatu yang mesti kita patuhi tetapi saya fikir untuk PAC ia harus didedahkan.

"PAC adalah badan yang mempunyai kuasa perlembagaan dan locus standi dalam institusi Parlimen. Maklumat itu perlu diberikan supaya dapat membuat penilaian lengkap dan tepat," katanya yang memaklumkan Kertas Putih itu tidak mendedahkan kos vaksin terbabit.

Pada Februari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, KKM akan membentangkan Kertas Putih perolehan vaksin dan kos berkaitan yang sebahagiannya dipercayai tidak mengikut peraturan dan ditandatangani tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa pula berkata, Kertas Putih itu bukan untuk mencari kesalahan tetapi bagi menambah baik sistem kesihatan negara.

DZULKEFLY

AKHBAR : SINAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

RUU kawalan merokok dirujuk kepada JKPK Parlimen

KUALA LUMPUR - Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan Parlimen untuk penelitian lanjut.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mencadangkan perkara berkenaan berdasarkan Peraturan 54 (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat supaya ia dirujuk kepada jawatankuasa itu bagi membuat syor-syor selain meneliti dasar Generasi Penamat (GEG) serta peruntukan berkaitan.

DR ZALIHA

Dr Zaliha menjelaskan, RUU itu adalah yang baharu selepas mengambil kira syor-syor perbincangan JKPK Kesihatan pada tahun 2022 dan pertambahan pindaan baharu terhadap dasar GEG.

"Berdasarkan sesi libat urus dengan JKPK Kesihatan pada 6 Jun lepas bersama ahli Parlimen, badan profesional dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), terdapat permintaan agar beberapa perkara dilihat dan diperhalusi lebih lanjut.

"Justeru, KKM mencadangkan ia dirujuk kepada JKPK Kesihatan untuk penelitian lanjut selain jawatankuasa ini yang berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang dengan ambil kira pandangan semua pihak," katanya pada persidangan Dewan Rakyat selepas membentangkan RUU itu bagi bacaan kali pertama di sini pada Isnin.

Beliau berkata, pembentangan bacaan kali pertama RUU itu serta cadangan untuk merujuk kepada JKPK Kesihatan, bukti komitmen kerajaan dalam memastikan peraturan baharu itu dapat diluluskan segera demi generasi baharu.

Sementara itu, berdasarkan naskhah biru yang diedarkan di Parlimen pada Isnin, RUU itu bertujuan mengawal penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok, produk pengganti tembakau dan peranti merokok, demi kesihatan awam untuk melahirkan generasi baharu bebas merokok.

Menurut Fasal 13 dan 14 RUU itu yang menyatakan larangan penjualan produk atau bahan merokok, pengganti tembakau atau peranti merokok kepada individu yang lahir mulai 1 Januari 2007 (generasi GEG), selain larangan individu GEG membeli produk rokok atau tembakau di bawah fasal sama.

RUU itu turut memperuntukkan denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih setahun jika didapati menjual produk berkenaan kepada individu yang lahir mulai 1 Januari 2007.

Selain itu, denda tidak lebih RM500 atau perintah khidmat masyarakat turut dikenakan kepada mana-mana individu generasi GEG yang didapati membeli produk berkenaan. - *Bernama*

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Beli vaksin: Nyawa rakyat jadi pertimbangan utama

Oleh ASLINDA NASIR
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Ancaman nyawa rakyat menjadi keutamaan kerajaan meskipun dilihat perjanjian perolehan vaksin dilihat berat sebelah.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, perkara itu menjadi pertimbangan dengan memperlihatkan isu hidup mati manusia yang diancam wabak Covid-19 ketika itu.

Berikutan itu katanya, kerajaan membuat keputusan dengan meneruskan langkah melindungi rakyat daripada terus terjejas dengan wabak berkenaan.

"Kerajaan membuat keputusan dasar untuk memeterai perjanjian perolehan vaksin ini untuk menyegerakan proses tersebut kerana setiap nyawa rakyat Malaysia adalah berharga.

"Walaupun menyedari, atas nasihat Jabatan Peguam Negara yang perjanjian tersebut tidak memihak kepada kerajaan, kerajaan tetap perlu membuat keputusan dasar bagi meneruskan pembelian yang mendesak atas faktor kepentingan awam," katanya pada sesi penggulungan Laporan Kertas Putih mengenai pemerolehan vaksin Covid-19 di Dewan Rakyat, semalam.

> **"Walaupun menyedari atas nasihat Jabatan Peguam Negara yang perjanjian itu tidak memihak kepada kerajaan, kita tetap perlu membuat keputusan dasar bagi meneruskan pembelian yang mendesak."**

Malah, Lukanisman turut menjelaskan kerajaan tidak dapat memperincikan mengenai perjanjian tersebut kerana terikat dengan perjanjian berkaitan.

"Jika Malaysia tidak menandatangani dokumen ini, sebarang rundingan awal seperti syarat perjanjian atau bahan aktif (dalam vaksin) tidak akan dikongsi dengan Kerajaan Malaysia.

"Proses perolehan vaksin yang melibatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara adalah sesuatu yang tidak boleh dijangka, tetapi perlu dilakukan," jelasnya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan dikemukakan beberapa ahli Parlimen berkenaan Non Disclosure Agreement (NDA) di mana Kerajaan Malaysia terikat dengan klausa kerahsiaan yang ditetapkan syarikat pengeluar vaksin.

"Oleh itu, beberapa maklumat terperinci setiap perjanjian termasuk harga vaksin tidak boleh didedahkan kepada umum. Walau bagaimanapun, kos perolehan bagi setiap jenis vaksin telah dijelaskan dalam prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Mesyuarat Khas Parlimen Keempat Belas yang diadakan pada 2 Ogos 2021," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Timbalan Menteri itu turut memaklumkan sehingga 30 Mei lalu, seramai 27,550,124 (84.4 peratus) rakyat Malaysia telah menerima dos primer lengkap manakala 16,335,715 (50.0 peratus) penduduk telah menerima dos penggalak pertama dan 823,495 (2.5 peratus) populasi telah menerima dos penggalak kedua.

Berbanding dengan beberapa negara lain, Malaysia kini hampir setara dengan pencapaian di Singapura (87.5 peratus) dan Filipina (87.5 peratus).

"Pencapaian Malaysia ini jauh lebih baik daripada negara-negara yang bermula program vaksinasi lebih awal seperti Israel (73.8 peratus), Amerika Syarikat (68.8 peratus), United Kingdom (74.6 peratus) dan Thailand (77.6 peratus)," jelasnya.

Berhubung Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI), Lukanisman berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah menerima sejumlah 26,717 laporan kesan vaksin Covid-19 melalui Sistem Pelaporan NPRA.

"Daripada jumlah itu, hanya sebilangan kecil iaitu 1,868 laporan bersamaan tujuh peratus adalah melibatkan kesan advers yang diklasifikasikan sebagai serius manakala majoriti iaitu 93 peratus laporan lagi adalah melibatkan kesan advers yang ringan sahaja," katanya.

RUU Kawalan Merokok dirujuk semula

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (JKPK) buat kali kedua.

Sebelum ini, ia dibentangkan Menteri Kesihatan ketika itu, Khairy Jamaluddin pada tahun lalu.

Memaklumkan perkara itu, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, beliau mengambil maklum respons mengenai RUU berkenaan daripada ahli Parlimen, badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO) serta sesi libat urus yang diadakan pada 6 Mac lalu.

"Adalah penting untuk RUU ini mendapat sokongan tidak berbelah bahagi daripada semua pihak," katanya semasa membentangkan RUU itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat semalam.

Undang-undang itu dicadangkan bertujuan mengharamkan penggunaan, pembelian dan penjualan rokok dan produk vape kepada mereka yang dilahirkan selepas 2007.

Pada 26 Mei lalu, Dr. Zaliha menyifatkan perkara itu sebagai kejayaan Kementerian Kesihatan (KKM) apabila mendapat sokongan Kabinet untuk RUU terbabit dibentang.

Pada sesi taklimat bersama media 6 Jun pula, beliau berkata, KKM telah memasukkan semua 23 cadangan pindaan terdahulu serta lima cadangan baharu.

Lantas katanya, RUU itu disifatkan lebih komprehensif dan meliputi bukan sahaja rokok konvensional tetapi juga rokok alaf baharu termasuk elektronik serta rokok combustible.

ZALIHA Mustafa membentangkan RUU Kawalan Produk Merokok Kesihatan Awam 2023 di Dewan Rakyat semalam.

Kaji jadual penerbangan awal pagi

KUALA LUMPUR: Syarikat penerbangan perlu mengambil kira jadual penerbangan pada awal pagi bersesuaian dengan waktu solat bagi golongan muslim.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah berkata, ia merupakan cadangan baik yang boleh dibuat penambahbaikan demi kebaikan bersama antara pihak penerbangan dan juga penumpang.

"Saya dari Sarawak, waktu penerbangan 5.45 pagi, waktu subuh 5.20 pagi.

"Pihak syarikat penerbangan pun kena peka juga dan ambil kira peredaran waktu solat. Ia cadangan yang baik untuk kebaikan bersama," katanya di Dewan Rakyat semalam.

KKM lulus peruntukan khas dua hospital Johor

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan meluluskan peruntukan khas sebanyak RM771,600 bagi pembelian aset perubatan dan bukan perubatan untuk keperluan Hospital Sultan Ismail (HSI) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, peruntukan itu bagi pembukaan semula dua wad di hospital berkenaan yang ditutup kerana kekurangan aset perubatan dan sumber manusia.

"Selain itu, waran peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM634,916 diturunkan juga kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi perolehan aset bukan perubatan (ABR) untuk memenuhi keperluan mendesak di kedua-dua hospital itu," katanya dalam satu kenyataan.

KERATAN AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

13 JUN 2023

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS / NATION

REPORTS BY Nuradzimmah Daim and Mohamed Basyir

AT THE DEWAN RAKYAT

Health Minister Dr Zaliha Mustafa says every word in the Control of Smoking Products for Public Health Bill 2023 will be scrutinised so that everyone will have a better understanding of it. BERNAMA PIC

END OF SMOKING

GEG BILL TO BE REFERRED TO SELECT COMMITTEE

Undivided support from all parties needed, says Dr Zaliha

KUALA LUMPUR

THE bill for the proposed law touted as the generational endgame (GEG) for smoking in Malaysia will again be referred to the Parliamentary Special Select Committee (PSSC) for scrutiny.

This was after the Control of Smoking Products for Public Health Bill 2023 was first read in the Dewan Rakyat yesterday.

In tabling the bill, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said it would be referred to the PSSC for Health before being debated in Parliament.

This is the second time the bill will be referred to the PSSC on Health. The first version of the bill, The Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022, was tabled in Parliament in July last year before being referred to the select committee.

"After taking into consideration the engagement session with the PSSC on Health on June 6, as well as with members of parliament, professionals and non-governmental organisations, there were requests that some matters be scrutinised further.

"This bill is crucial. Undivided support from all parties is needed. The ministry decided to refer the bill to the PSSC, where it would serve as a checks-and-balances mechanism that will take into account views of all parties," Dr Zaliha told the lower house.

During a special chambers session later, she said the ministry's move to once again refer the bill to the PSSC was made following calls by stakeholders, including individuals in the fraternity, to have it studied further.

"The committee will scrutinise each word in the bill, so that when the debate takes place later, everyone involved would have a better understanding of it.

"This will ensure that it can be approved in a swift manner," she said, urging all MPs to support the bill aimed to protect future generations against smoking.

She said the Health Ministry remained committed to ensuring the bill could be approved soon.

The bill deals with not only conventional smoking products, but also "next-generation" products, including electronic and combustible cigarette products.

It retains the GEG provision, affecting those born on Jan 1, 2007, onwards.

Under the proposed law, those found guilty of selling any tobacco product or service for smoking to individuals born on Jan 1, 2007, and beyond face a maximum fine of RM20,000 and one year's imprisonment, and a maximum RM30,000 fine and two years' jail for each subsequent offence.

Corporations found guilty of the same offence face a maximum penalty of RM100,000 and two years' jail for the first offence and a maximum fine of RM300,000 and three-year imprisonment for each subsequent offence.

Prohibition was also extended to the sale of tobacco substitute products and smoking devices to the same age group.

Under Sections 13(4) and 14(4), individuals born on Jan 1, 2007, onwards found guilty of buying any tobacco products, substitutes, or devices face a fine of up to RM500 and can be ordered to undergo community service according to the Criminal Procedure Code and Child Act 2001.

It was reported that the 2023 version of the bill incorporates amendments suggested by the PSSC last year, including a reduction in the maximum fine for GEG offenders from RM5,000 to RM500, and introduces a provision for community service.

It also incorporates the PSSC's recommendation for the removal of the offence of personal possession of tobacco or vape products by the GEG group.

This also removes the need for body search by law enforcement authorities.

